

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

**BKT 471 - PROTOZOOLOGI PERUBATAN & VETERINAR**

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

(BKT 471/4)

1. Namakan dua spesies protozoa parasit darah manusia. Tunjukkan perbezaan kitar hidup, epidemiologi (kewabakan) dan kawalan penyakit di antara keduanya.

(20 markah)
  
2. ( i) Senaraikan 5 spesies haiwan protozoa yang terdapat dalam sistem penghadaman manusia dan haiwan. Dengan menggunakan gambarajah tunjukkan perbezaan morfologi di antara mereka.

(10 markah)
  
- (ii) Bincangkan patologi penyakit amebiasis.

(10 markah)
  
3. Anda telah diberitahu bahawa lembu-lembu di Kampong Kastam, Pulau Pinang telah banyak mati kerana diserangi oleh penyakit-penyakit bawaan sekenit. Apakah agaknya penyakit-penyakit tersebut serta sebutkan bagaimana cara-cara diagnosis boleh dilakukan. Kemukakan satu program kawalan yang boleh dilaksanakan bagi mengawal penyakit-penyakit tersebut.

(20 markah)

.../3-

(BKT 471/4)

4. Catatkan apa yang anda ketahui mengenai spesies-spesies berikut:-

- (a) *Trichomonas foetus*
- (b) *Histomonas meleagridis*
- (c) *Cryptosporidium* spp.
- (d) *Sarcocystis* spp.

(20 markah)

5. Dengan menggunakan gambarajah, bincangkan kitar hidup haiwan koksidia (coccidia) yang terdapat dalam mukosa usus dengan penekanan terhadap proses-proses yang berlaku dalam fasa-fasa skizogoni, gamogoni dan sporogoni. Bincangkan bagaimana genus-genus haiwan koksidia boleh diasingkan berasaskan morfologi fasa-fasa tersebut.

(20 markah)

6. Bandingkan patologi Penyakit Chagas, Penyakit tidur dan leishmaniasis dalam manusia.

(20 markah)

-0000000-